

***IKHLASlink* Hospital Income Secure Takaful Rider**

## 1. **IKHLASlink Hospital Income Secure Takaful Rider**

Melindungi ketidaktentuan kehidupan. *IKHLASlink Hospital Income Secure Takaful Rider* adalah pelan Takaful yang mampu mengurangkan bebanan kewangan anda apabila anda dimasukkan ke hospital. Pelan ini menyediakan elaun tunai semasa anda berada di dalam hospital. Pelan Rider ini hanya boleh disertakan dengan Pelan Asas.

Ini adalah rider berunit deduktif yang boleh disertakan kepada pelan Takaful berkaitan pelaburan di mana Sumbangan Takaful adalah berkala.

## 2. **Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke mana-mana hospital atau pusat perubatan yang diluluskan oleh pihak Syarikat, manfaat kemasukan hospital akan dibayar. Manfaat ini hanya akan dibayar sekiranya kemasukan ke hospital tersebut berterusan selama lebih dari enam (6) jam (tidak termasuk Rawatan Penjagaan Harian) yang mana pihak hospital mengenakan caj bilik hospital dan makanan.

Bilangan maksimum hari ialah:

- 180 hari setiap semasa dimasukkan ke hospital
- 365 hari dalam agregat yang timbul daripada semua punca-punca kemasukan ke hospital, dengan itu rider akan ditamatkan. Had agregat adalah seumur hidup Orang yang Dilindungi.

## 3. **Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?**

Tiada Sumbangan Takaful tambahan yang dikenakan ke atas Rider ini kerana caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful Asas. Walau bagaimanapun, caj Tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan boleh berubah dari semasa ke semasa dengan memberi tiga (3) bulan notis kepada Peserta Takaful sebelum ulang tahun Sijil Takaful.

## 4. **Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

a) Yuran Wakalah - tidak dikenakan.

b) Caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful Asas (melalui penolakan unit-unit mengikut harga unit) dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) akan dikenakan ke atas tabarru'. Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang yang Dilindungi. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam ilustrasi manfaat.

## 5. **Syarat dan Had Umur**

a) **Umur Kemasukan:**

30 hari – 60 tahun, umur pada hari jadi akan datang

b) **Had Amaun Perlindungan:**

Minimum: RM 10 sehari

Maksimum: RM 500 sehari

c) **Umur Matang:**

Sehingga umur 65 tahun, umur pada hari jadi akan datang

## 6. **Terma / syarat tambahan**

Tempoh menunggu - tiga puluh (30) hari tempoh menunggu kecuali untuk kecederaan kemalangan.

## 7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi sebarang kemasukan ke hospital berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- a) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- b) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurang atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurang ataupun darurat;
- c) Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- d) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;
- e) Kecederaan yang ditanggung oleh Orang yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- f) Sebarang keadaan atau penyakit sedia ada sebelum penerimaan perlindungan;
- g) Sebarang ketidaktepatan undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau kesalahan yang dicituskan olehnya;
- h) Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan;
- i) Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- j) Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Human Immunodeficiency dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin;
- k) Rawatan Penjagaan Harian, Pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan gigi dan rawatan, perubahan jantina serta explorasi atau pembedahan eksperimen;
- l) Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak;
- m) Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya;
- n) Sijil Takaful Tambahan ini adalah tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pengeluaran atau tarikh Sijil Takaful ini dihidupkan semula kecuali kemasukan ke hospital tersebut adalah kerana kemalangan. Kemasukan ke hospital di luar daripada Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful Tambahan ini.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai lengkap pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful ini.

**8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?**

Jika anda mendapati rider ini tidak lagi bersesuaian, anda boleh membatalkannya dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis.

**9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

**10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku insurance info mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan/atau 'Takaful Perubatan dan Kesihatan', yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

**11. Produk seumpama yang boleh didapati?**

Tiada

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**